

24/11/1998

Jangan cemari keamanan negara

Rosenilam Ismail

KEBELAKANGAN ini sering berlaku kekacauan yang dilakukan oleh pendokong gerakan reformasi, khususnya di ibu negara. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku di sebuah negara merdeka, aman dan makmur, lebih-lebih lagi di Malaysia.

Apa yang dikesalkan perkara memalukan rakyat negara ini turut berlaku ketika negara menjadi tuan rumah sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), baru-baru ini.

Bak kata pepatah, kerana nila setitik rosak susu sebelanga. Hanya disebabkan segelintir golongan yang kurang sifat nasionalisme, negara terpaksa menanggung segala pertuduhan dilemparkan oleh negara asing yang sememangnya inginkan kehancuran Malaysia.

Kita sepatutnya bersyukur kerana memiliki taraf kewarganegaraan Malaysia, seharusnya kita melakukan hanya yang terbaik untuk mencelikkan mata semua negara asing yang selama ini mencemuh dan meragui serta mempertikaikan kebolehan Malaysia.

Belajarlah menghormati pemimpin kita, tanpa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, siapalah Malaysia di mata dunia?

Banyak kemudahan dan pembaharuan yang kita kecapi kini, malah kita setanding dengan negara asing dipersada dunia antarabangsa, semuanya kerana pemimpin yang bertanggungjawab.

Bagi segelintir masyarakat yang cuba mewujudkan suasana kacau bilau, sedarlah bahawa mereka masih lagi warganegara Malaysia yang sama-sama menikmati taraf kewarganegaraan, keistimewaan dan segala kemudahan yang kerajaan sediakan. Tidakkah mereka malu dengan perlakuan mereka?.

Janganlah ulangi lagi kejadian seumpama ini, kerana ini merugikan kita sendiri, memberi malu dan aib kepada negara.

Jadilah rakyat Malaysia yang dedikasi dan sayangkan Malaysia, nescaya negara asing akan akur dengan segala kemampuan dan kebolehan kita.

Biarkan dunia tahu Malaysia adalah negara merdeka yang demokrasi, aman sejahtera kerana rakyatnya yang dedikasi dan menjunjung tinggi Rukun Negara.